

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH / HARI : 13 JUN 2017 (SELASA)

MBSA edar 800 bubur lambuk

Su
13/6/17

SHAH ALAM - Sebanyak 800 bekas bubur lambuk diedarkan secara percuma oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di Bazar Ramadan Bazarena Seksyen 13, di sini.
Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad berkata, selain bubur lambuk sumbangan Dydo Mamee Distribution dan Eco Ardence Sdn

Bhd itu, MBSA turut mengedarkan mangkuk tingkat percuma.
"Program ini turut merangkumi kempen kesedaran kitar semula barang, minyak masak terpakai dan pameran Bas SEDA-10 Information Centre (I.C).
"Mangkuk tingkat percuma turut diedarkan untuk menyokong Kempen Bebas Polistirena Shah Alam 2017," katanya.



Ahmad Zaharin (kanan) dan Elizabeth, ketika mengedarkan mangkuk tingkat percuma kepada orang ramai.